KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	03.02.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	PERHILITAN/JPSM			

'Kita perlu wujudkan hutan simpan harimau'

Kuala Lumpur: "Jika tidak mahu harimau malaya 'tinggal nama' dan pupus lima tahun lagi, hutan simpan harimau perlu diperkenalkan dan diwujudkan kerajaan," kata Penyelidik Universiti Malaysia Terengganu dan Felo Akademi Sains Malaysia Prof Datuk Dr Mohd Tajuddin Abdullah.

Beliau berkata, langkah itu perlu dilakukan segera bagi memastikan bilangan harimau malaya tidak terus merosot hingga akhirnya membawa kepada kepupusan.

"Sebaik-baiknya bila sesuatu kawasan hutan itu dikenal pasti dihuni harimau, tindakan drastik perlu diambil dengan mewartakan lokasi itu sebagai 'hutan simpanan harimau'

"Langkah ini sekali gus menghalang sebarang bentuk aktiviti pembalakan dan penerokaan hutan dilakukan untuk tujuan peladangan," katanya.

Beliau berkata, langkah itu walaupun dilihat drastik dan bakal mengundang pelbagai bantahan, namun ia dianggap cara paling berkesan untuk menyelamatkan populasi harimau Malaya.

"Langkah memperkenalkan kaedah 'kawalan penuh harimau malaya' ini turut boleh diaplikasikan melalui pemasangan pagar di sekeliling hutan simpanan harimau.

"Mungkin usaha ini memerlukan belanja besar namun ia langkah tepat," katanya.

> *Langkah ini sekali gus menghalang sebarang bentuk aktiviti pembalakan dan penerokaan hutan dilakukan untuk tujuan peladangan"*
>
> **Dr Mohd Tajuddin Abdullah**

Mohd Tajuddin berkata, beliau bersetuju dengan pandangan Tabung Hidupan Liar (WWF) bahawa kaedah pembalakan baik untuk harimau hanyalah membabitkan pembalakan terancang melalui menebang sebilangan pokok tertentu setiap tahun dalam petak hutan selaras dengan amalan Pengurusan Hutan Lestari (SFM).

WWF dalam kenyataannya minggu lalu memaklumkan, kajian itu diterbitkan pihak WWF pada 2009 bertajuk, 'Kepentingan hutan balak terpilih untuk pemuliharaan harimau Panthera Tigris: Anggaran kepadatan penduduk di Semenanjung Malaysia' oleh D Mark Rayan dan Shariff Wan Mohamad bagi memahami tentang keadaan kepadatan harimau khususnya di hutan balak.